Draf Rancangan Tempatan Daerah Besut 2035 (Penggantian)

Memacu Kehidupan Perbandaran Sejahtera Dari Hutan Hujan Ke Taman Laut

"Besut, Destinasi Semulajadi Anda"

PLANMalaysia
Planning - Beyond Development
PEJABAT PROJEK ZON TIMUR

Draf Rancangan Tempatan (RT) Daerah Besut 2035 (Penggantian) merupakan dokumen perancangan dan pembangunan bagi Daerah Besut untuk tempoh 15 tahun. Ianya disediakan di bawah peruntukkan Subseksyen 12 (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) bagi menggantikan RT Daerah Besut 2020 yang diwartakan pada 31 Disember 2009 (No.warta: 1466, Jilid 62 No. 27) dan telah tamat tempoh perancangan.

Draf RT Daerah Besut 2035 (Penggantian) meliputi keseluruhan Daerah Besut seluas 123,367.80 hektar melibatkan 16 mukim dan tiga (3) Pusat Pertumbuhan Utama iaitu Jertih, Kuala Besut dan Kampung Raja. Terletak di utara Negeri Terengganu, bersempadan dengan Daerah Setiu dan Daerah Hulu Terengganu. Daerah Besut juga merupakan pintu masuk ke Negeri Terengganu dari utara melalui Negeri Kelantan iaitu Jajahan Pasir Puteh, Jajahan Kuala Krai dan Jajahan Machang. Bahagian pesisir pantai Daerah Besut pula disempadani dengan Laut China Selatan yang mempunyai kekayaan kawasan Taman Laut Negeri Terengganu iaitu Pulau Perhentian.

Pemacu Pembangunan Daerah Besut 2035

Perancangan pembangunan Daerah Besut diterjemah melalui Doktrin Perancangan Sejagat yang berteraskan hubungan antara manusia dengan Pencipta, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar. Berdasarkan kepada sumber yang ada, tujuh (7) pemacu pembangunan telah digariskan untuk memandu arah perancangan dan pembangunan Daerah Besut sehingga tahun 2035

Matlamat dan Hala Tuju Daerah Besut 2035

Matlamat pembangunan Daerah Besut 2035 sebagai pemacu pertumbuhan Zon Promosi Pembangunan Wilayah Utara Negeri Terengganu ke arah kehidupan rakyat yang berkualiti. Konsep *Smart Besut dan Smart Desa* diterapkan seiring dengan asas pembangunan bandar pintar pada masa hadapan.





Konsep Pembangunan Daerah Besut 2035

Konsep pembangunan Daerah Besut 2035 dirangka berdasarkan kepada keseimbangan antara tuntutan pembangunan dan tuntutan pemeliharaan alam semula jadi agar aspirasi Majlis Daerah Besut menjadi majlis perbandaran dapat direalisasikan dalam tempoh yang disasarkan. Arah tuju pembangunan Daerah Besut adalah pembangunan lestari dengan mengambil kira aspirasi Terengganu Sejahtera 2050 melalui keseimbangan antara pembangunan fizikal dan alam sekitar. Konsep pembangunan 'Dari Hutan Hujan Ke Terumbu Karang'.

18 Projek Berimpak Tinggi Di Daerah Besut

HIP 1 : Pembangunan Pusat Pentadbiran Baharu Daerah Besut di Tembila
HIP 2 : Pembangunan Kompleks Majlis Perbandaran Besut di Tembila dan Pejabat Pentadbiran MDB di Pulau Perhentian
HIP 3 : Pembinaan Kompleks Jeti Pelancongan di Seberang Kastam (Seberang Kastam *Quayside*)
HIP 4 : Pembangunan Hab Pelancongan Pulau Perhentian di Pantai Pasir Panjang
HIP 5 : Pembangunan Hospital Baharu Daerah Besut bertaraf 'Pakar Major' di Tembila
HIP 6 : Pembinaan Menara Telekomunikasi Liputan 4G dan 5G Bagi Sistem Telekomunikasi Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi
HIP 7 : Pembangunan Seberang Kastam *Quayside*
HIP 8 : Pembangunan Taman Wilayah Besut Wetland
HIP 9 : Pembinaan Stesen ECRL Jertih Dengan Kemudahan Sokongan Sistem Pengangkutan dan Lalu Lintas
HIP 10 : Pembinaan Persimpangan Bertingkat di Tembila Untuk Menghubungkan Ke Lebuhraya Pantai Timur 3
HIP 11 : Pembangunan Bandar-Bandar Lestari
HIP 12 : Meningkatkan pembangunan Agro *Mix Farm* Durian Telor
HIP 13 : Menaik taraf Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Besut dan pembangunan Kompleks LKIM Besut 2
HIP 14 : Pembangunan Kawasan Perindustrian Gong Medang Fasa II
HIP 15 : Pembangunan dan Menaik Taraf Infrastruktur Saliran Dan Pengairan, Serta Memelihara Sumber Air Untuk Kawasan IADA KETARA
HIP 16 : Pembangunan Warisan Budaya di Kampung Warisan Kampung Raja
HIP 17 : Membangunkan Landskap Taman Bandaran Jertih
HIP 18 : Pembangunan Pusat Keselamatan Risiko Bencana dan Pusat Kuarantin Wabak Penyakit Berjangkit di Kg Renek



Sila Scan Disini Untuk Dapatkan Laporan

Sila Scan Disini Untuk Borang Soal Selidik Publisiti

MAKLUMAT LANJUT : Sila hubungi

Pengurus Projek Pn. Norhasnita binti Abd Samad (011-32379161) atau Penolong Pengarah Kanan En Kamal bin Noor (018-3905441)

Peta Cadangan Guna Tanah Daerah Besut Tahun 2035





PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM : 01 Hingga 30 SEPTEMBER 2021

Orang ramai dijemput membuat semakan laporan Draf RT Daerah Besut 2035 (Penggantian) dan mengemukakan maklum balas, pandangan dan cadangan di lokasi berikut atau muat turun dokumen di Qrcode atau capaian di pautan *https://forms.gle/iepsBTxFe1hKZegbA*

Pameran di Lokasi Tetap :

1. Majlis Daerah Besut (Kota Putera Lodge)
1. Pejabat Daerah dan Tanah Besut
2. PLANMalaysia Negeri Terengganu, Tingkat 4, Wisma Negeri; dan
3. Lobi Wisma PERKESO Kuala Terengganu.

Pameran di Lokasi Bergerak :

1. Balai Bomba Sukarela, Pulau Perhentian (9-11 September 2021);
2. Pasar Awam Kg. Raja (17 September 2021 ; dan
3. Pasaraya GIANT, Jertih (25 September 2021).

Jilid 1: Laporan Peta Cadangan dan Strategi Pembangunan

Jilid 2: Kelas Penggunaan Tanah/Bangunan dan Garis Panduan Khusus

Jilid 3: Laporan Pengurusan dan Pelaksanaan

"Marilah Kito Meranche Untuk Anok Cucu Kite Sek Sok!!!"